

Kejayaan di Sabah petanda baik BN hadapi pilihan

PM yakin majoriti b

Oleh JOHARDY IBRAHIM
dan NORAINI RAZAK

KUALA LUMPUR 14 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) akan mendapat majoriti besar dalam pilihan raya umum akan datang, berdasarkan kejayaan BN di Sabah semalam.

"Saya yakin pilihan raya umum yang akan datang di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, BN akan mendapat sokongan majoriti rakyat," kata beliau ketika berucap pada majlis perayaan ulang tahun ke-50 Kampung Baru Jinjang, dekat sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, tiga bulan lalu majalah-majalah asing dan pemerhati politik di dalam serta di luar negara mengatakan BN tidak boleh menang kerana kononnya rakyat Sabah sudah benci dan bosan dengan kerajaan pimpinan BN.

Keamanan

"Tetapi semalam mereka dapat melihat bagaimana BN menang dengan majoriti yang amat besar. Ini menunjukkan rakyat Sabah tahu apa yang baik untuk mereka," kata Perdana Menteri.

Utusan melaporkan hari ini bagaimana ramalan yang dibuat oleh agensi berita asing yang beribu pejabat di sini berhubung pilihan raya Sabah itu ternyata meleset.

Ketiga-tiga agensi berita *Reuters*, *Agence France-Press (AFP)* dan *Associated Press (AP)*, yang ada di antaranya menyifatkan pilihan raya itu sebagai perlawanan antara parti Kristian PBS dan kerajaan Dr. Mahathir, meramalkan BN akan tewas atau sekadar menang tipis.

Dr. Mahathir berkata, kejayaan besar BN di Sabah itu adalah kerana rakyat tahu BN memperjuangkan keamanan, kerjasama antara kaum dan pembangunan untuk negara bagi membolehkan mereka hidup lebih sempurna.

■ Lihat muka 2

PM yakin majoriti besar

Semalam BN memenangi pilihan raya negeri Sabah dengan mendapat 31 kerusi Dewan Undangan Negeri manakala baki 17 lagi dimenangi oleh Parti Bersatu Sabah (PBS). Lain-lain parti pembangkang iaitu Bersekutu, Setia, Pasok dan Pas serta calon-calon bebas, gagal memperoleh sebarang kerusi.

Menurut Presiden BN itu, parti itu sememangnya mementingkan pembangunan seperti yang dapat dilihat dengan jelas melalui kemajuan di Kuala Lumpur, kawasan sekitarnya malahan di seluruh negara.

"Kita mesti mengingatkan diri kita kembali betapa teruknya kehidupan kita 50 tahun lalu tetapi atas usaha rakyat dan se-

buah kerajaan yang prihatin, hari ini kita hidup lebih sempurna.

"Pembangunan berjaya dibuat kerana kerajaan mengambil berat kebajikan rakyatnya. Kita hendak rakyat semakin kaya, mempunyai peluang kerja dengan upah yang meningkat," tambah Perdana Menteri.

Maju

Dr. Mahathir berkata, ini adalah supaya satu hari nanti Malaysia sama maju dengan negara-negara lain seperti di Eropah.

Dr. Mahathir juga berkata, kerajaan yang memerintah memberikan pertimbangan secukupnya kepada masyarakat pelbagai kaum di negara ini yang semuanya mempunyai suara dalam kerajaan.

Menurutnya, ia membolehkan rakyat Malaysia hidup aman damai dan boleh menganjurkan perhimpunan tanpa takut berlakunya kekacauan seperti yang terjadi di sesetengah negara.

Katanya lagi, masyarakat berketurunan Cina juga boleh menjalankan perniagaan mereka tanpa sebarang gangguan walaupun negara menghadapi masalah ekonomi akibat serangan pedagang mata wang.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri beliau, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba.